



# NOTA RUJUKAN KOMSAS

## Puisi Tradisional (Seloka Emak Si Randang)

### Maksud

Seloka ini mengisahkan Emak Si Randang yang baik hati. Dia rela memasak makanan untuk membantu orang dagang yang tidak dikenalnya. Emak Si Randang sanggup berhabis-habisan bagi melayan tetamunya sehingga sanggup meruntuhkan rumah jika tidak berkayu. Namun demikian, Emak Si Randang mengabaikan anaknya sendiri. Setelah orang dagang itu pergi, Emak Si Randang terpaksa menanggung hutang kerana kehabisan beras sedangkan padi yang ditanamnya tidak menjadi.

### Tema

Sikap masyarakat yang terlalu mengagungkan orang luar berbanding ahli keluarga sendiri.

### Persoalan

1. Persoalan rasional ketika melakukan sebarang tindakan
2. Persoalan pembaziran yang perlu dielakkan .
3. Persoalan tanggungjawab seorang ibu terhadap keluarga.

### Bentuk

1. Terdiri daripada satu rangkap.
2. Bilangan baris dalam rangkap tersebut ialah 8 baris.
3. Jumlah perkataan dalam setiap baris antara **3** hingga 4.
  - Dagang lalu ditanakkan (3 perkataan)
  - Tiada kayu rumah diruntuhkan (4 perkataan)
4. Terdiri daripada 8 hingga 10 suku kata.
  - Dagang lalu ditanakkan (8 suku kata)
  - Tiada kayu rumah diruntuhkan (10 suku kata)
5. Rima akhir seloka ini ialah *abbbbcac*
6. Seloka ini berbentuk bebas.



## NOTA RUJUKAN KOMSAS

### Gaya Bahasa

1. **Asonansi** - Anak pulang kelaparan - a diulang 6 kali
2. **Aliterasi** - Anak dipangku diletakkan - k diulang 4 kali
3. **Sinkope** - Beras habis padi **tak** jadi ( baris 8)
4. **Anafora**-  
**Anak** pulang kelaparan  
**Anak** di pangku diletakkan
5. **Penggunaan peribahasa** - Kera di hutan disusui
6. **Hiperbola** - Tiada kayu rumah diruntuhkan

### Nilai

1. **Nilai kebijaksanaan.**  
Seseorang perlu bijaksana menggunakan akal fikiran dalam melakukan sesuatu tindakan
2. **Nilai bertanggungjawab.**  
Seseorang ibu perlu bertanggungjawab terhadap kebajikan anak-anak.
3. **Nilai berbudi**  
Kita disarankan berbudi kepada semua orang tetapi mestilah berpeda-pada..

### Pengajaran

1. Kita janganlah lebih-lebihkan orang luar dan sebaliknya mengabaikan ahli keluarga sendiri agar kehidupan lebih harmoni.
2. Kita mestilah menggunakan akal fikiran yang rasional dalam sebarang tindakan agar tidak mendapatkan kesan yang buruk.
3. Kita hendaklah melayan tetamu dengan berpeda-pada agar tidak berlakunya pembaziran.



## NOTA RUJUKAN KOMSAS

### Latihan

1. Apakah tema seloka Emak Si Randang?
2. Nyatakan dua gaya bahasa yang terdapat dalam Seloka Emak Si Randang

### Jawapan

1. Tema seloka Emak Si Randang ialah sikap masyarakat yang terlalu mengagungkan orang luar berbanding ahli keluarga sendiri.
2. Gaya bahasa yang terdapat dalam seloka Emak Si Randang ialah sinkope iaitu penggunaan kata tak, contohnya, beras habis padi tak jadi. Selain itu, gaya bahasa yang digunakan ialah hiperbola, contohnya, tiada kayu rumah diruntuhkan.